

28/06/2000

Bekas MB akui royalti petroleum ihsan Pusat

KUALA TERENGGANU, Selasa - Bekas Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, mengakui royalti petroleum yang diterima kerajaan negeri sejak 1978 adalah ihsan Kerajaan Pusat bukan hak mutlak kerajaan negeri.

Pemberian royalti sebanyak lima peratus bermula tahun itu bertujuan memberi sumber kewangan bagi membangunkan negeri ini yang terlalu daif serta tiada hasil pada masa itu.

Dalam satu kenyataannya di sini petang ini, Wan Mokhtar berkata, pemberian royalti itu ihsan Kerajaan Pusat yang bermurah hati untuk rakyat negeri ini walaupun petroleum ditemui di luar pantai Terengganu.

Katanya, pemberian royalti berkenaan dilakukan melalui satu dokumen persefahaman yang ditandatangani beliau bagi pihak kerajaan negeri dan Tengku Razaleigh Hamzah selaku Presiden Petronas ketika itu.

"Dokumen yang ditandatangani itu bukanlah satu bentuk penjanjian tetapi persefahaman. Keadaan negeri yang begitu mundur ketika itu mendorong Kerajaan Pusat memberi pertolongan.

"Tambahan pula Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri adalah Kerajaan Barisan Nasional," katanya dalam kenyataan tiga muka yang difakskan ke pejabat Berita Harian di sini, hari ini.

Kenyataan itu bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mengkaji sama ada peruntukan undang-undang memberikan hak kepada Terengganu mendapatkan royalti itu.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, kerajaan akan meneliti terlebih dahulu sama ada pemberian royalti itu menjadi sebahagian perjanjian dengan Terengganu sebelum ini.

Wan Mokhtar, berkata wang royalti yang diterima membolehkan kerajaan negeri membuat perancangan jangka panjang selama 30 tahun iaitu Fasa Pertama Pembangunan Negeri Terengganu (1980-1995) dan Fasa Kedua Pembangunan Negeri Terengganu (1996-2010) sehingga terbina infrastruktur yang lengkap seperti jalan raya, jambatan, masjid, kemudahan elektrik dan air serta program pendidikan dan pembangunan insan.

Wan Mokhtar, berkata jumlah royalti yang diterima bergantung kepada jumlah pengeluaran petroleum mentah serta harga pasaran.

"Royalti pertama diterima kerajaan negeri adalah RM58 juta dan angka itu bertambah daripada setahun ke setahun," katanya.

(END)